



FUNGSI PENDAFTAR

1. FUNGSI PENDAFTAR

Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang selaku Pendaftar PP melaksanakan fungsi mendaftar, mengawal dan menyelia PP di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta 110, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973. Pendaftar PP bertanggungjawab mendaftar, menyelia, mengawal perjalanan operasi dan mengaudit akaun semua PP disamping memberi pendidikan dan latihan kepada pemimpin yang terdiri dari Ahli Jemaah Pengarah dan ahli-ahli peladang mengikut Seksyen 7(2) Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973.

Pendaftar PP telah mewakilkan sebahagian kuasanya mengikut Seksyen 7(3) Akta 109, iaitu kuasa mengawal dan menyelia PP kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak bagi Negeri Sarawak, Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi kawasan MADA dan Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi kawasan KADA kecuali kuasa untuk menubuh, mendaftar, menggantung atau membubarkan PP.


1.1 Pendaftaran PP



Lokasi pejabat Pertubuhan Peladang di Semenanjung Malaysia

Sejumlah 291 buah PPK telah didaftarkan di seluruh negara pada akhir tahun 2011. Pecahan bilangan pendaftaran PP di bawah penyeliaan LPP, MADA, KADA dan Negeri Sarawak adalah seperti **Jadual 4**.

Rajah 1
Lokasi pejabat Pertubuhan Peladang di negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan



JADUAL 4 : BILANGAN PENDAFTARAN PP SELURUH NEGARA BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Pendaftar/Wakil	NAFAS	PPN	PPK	JUMLAH
LPP	1	13	208	222
KADA	-	-	13	13
MADA	-	-	27	27
Sarawak	-	1	28	29
JUMLAH PP	1	14	276	291

Nota untuk Jadual 4 di atas:

- NAFAS - Pertubuhan Peladang Kebangsaan
- PPN - Pertubuhan Peladang Negeri
- PPK - Pertubuhan Peladang Kawasan
- KADA - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
- MADA - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

1.2. Penyeliaan dan Pengawasan

Tugas penyeliaan meliputi perkhidmatan bimbingan dan perundingan secara berjadual kepada semua PP dalam aspek pengurusan organisasi, personel dan pengurusan kewangan.

Aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Pendaftar ialah penyeliaan ke atas pengurusan operasi di semua PP. Ianya dilaksanakan melalui mesyuarat berkala yang membincangkan dan menyelesaikan masalah dan kesulitan yang berlaku diperingkat PP. Dari masa ke semasa, Pendaftar akan mengedarkan Pekeliling-pekeliiling/Arahan Pendaftar sebagai panduan untuk mentadbir urus PP yang meliputi khidmat penasihat termasuk pelaburan dan pinjaman oleh PP.

Pendaftar juga akan menyelia kedudukan kewangan semua PP bagi menentukan prestasi kewangan mereka mencapai standard atau piawaian yang ditetapkan. Antara kaedah yang digunakan ialah dengan membuat perbandingan pencapaian prestasi kewangan PP bagi tahun semasa berbanding dengan tahun sebelumnya. Beberapa petunjuk kewangan yang digunakan adalah seperti Nisbah Kecairan, Nisbah Kecekapan, Nisbah Keberuntungan, Nisbah Saham dan Analisa Z-Score.

Bagi memantapkan urusan pengawasan maka semua anggota pengurusan dan Ahli Jemaah Pengarah PP diwajibkan menerima latihan dan bimbingan melalui program latihan peladang dan pegawai. Latihan tersebut dimantapkan dengan menggunakan manual dan panduan pengurusan yang disediakan oleh Bahagian Audit Pertubuhan dan Penguatkuasaan, Bahagian Penyeliaan dan Cawangan Undang-undang LPP Ibu Pejabat.

1.3. Pengauditan PP

Ketua Pengarah LPP, selaku Pendaftar PP bertanggungjawab melaksanakan tugas pengauditan berkanun ke atas Penyata

Kewangan PP mengikut Seksyen 24, Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973. Bahagian Audit Pertubuhan dan Penguatkuasaan LPP bertanggungjawab melaksanakan pengauditan berkanun melalui prosedur standard dan menepati piawaian Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 daripada Sirim Qas Sdn. Bhd.

Dalam tahun 2011, sebanyak 241 buah PP telah diaudit Juruaudit Pendaftar, manakala 49 buah adalah diaudit oleh Firma Juruaudit swasta yang dilantik oleh Pendaftar. Pendaftar turut melaksanakan pengauditan ke atas Penyata Kewangan projek-projek ahli/unit ahli dan projek usahasama PP. Ringkasan Laporan pencapaian pengauditan adalah seperti di **Jadual 5**.

Kategori	Bilangan PP	
	Tahun 2010	Tahun 2011
Juruaudit Pendaftar/ LPP	234	241
Juruaudit Swasta	54	49
Jumlah	288	290

Pendidikan dan Latihan Peladang

Program pendidikan peladang dilaksanakan dengan objektif untuk meningkatkan kemahiran, budaya kerja yang inovatif, nilai-nilai keusahawanan dan berdayasaing dalam dunia perniagaan dikalangan pemimpin dan ahli peladang. Ianya menjurus kepada usaha merubah minda (mindset) peserta-peserta supaya mereka boleh berperanan dengan lebih efektif dalam masyarakat peladang sebagai peladang progresif.

Latihan ditumpukan kepada bidang pengurusan ladang berteknologi tinggi ke arah menjadikan entiti perniagaan menjadi lebih berdaya maju dan lestari. Kursus-kursus keusahawanan juga dijalankan bagi melahirkan usahawan-usahawan peladang yang berdikari, proaktif dan mempunyai daya tahan yang tinggi bagi menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan.